

SIARAN MEDIA

MyCC DAN DOSM MEMETERAI KERJASAMA STRATEGIK BAGI PEMERKASAAN DATA SEBAGAI SUMBER UTAMA DASAR KERAJAAN

PUTRAJAYA, 19 JUN 2026 - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) semalam telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) yang menandakan komitmen kerajaan untuk mengguna pakai pendekatan berpusatkan data bagi memperkukuhkan pelaksanaan dasar kerajaan termasuk penguatkuasaan terhadap isu persaingan negara.

Majlis menandatangani MoU tersebut telah berlangsung di ibu Pejabat DOSM, Putrajaya. MOU itu telah ditandatangani oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Idrus bin Harun, Pengerusi MyCC, bagi pihak MyCC dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, bagi pihak DOSM. Majlis turut disaksikan oleh YBhg. Datuk Haji Iskandar bin Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC serta YBrs. Puan Siti Asiah binti Ahmad, Timbalan Ketua Perangkawan Program Ekonomi, DOSM.

Kolaborasi ini menyediakan rangka kerjasama antara MyCC dan DOSM termasuk penguatan serta perkongsian data, program pembangunan kapasiti dan pertukaran kepakaran sebagai beberapa strategi untuk memantau dan menambah baik proses persaingan dalam pelbagai sektor di Malaysia secara berterusan.

DOSM berpendapat bahawa, memandangkan MyCC mempunyai pengalaman serta kepakaran dalam menghasilkan kajian ekonomi bertaraf dunia, kerjasama ini merupakan satu langkah strategik untuk meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis data di samping memperluaskan penggunaan statistik rasmi dalam memahami corak ekonomi semasa dan global. Ini juga selari dengan pandangan MyCC bahawa inilah peluang dan masa untuk memperkukuhkan peranan data dan analitik dari sudut ekonomi persaingan terutama dalam era data yang dianggap sebagai komoditi utama dunia.

###

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Strategik & Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: scad@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta 712 ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-15 pada 1 April 2026 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap lebih dari 250 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewangan yang telah dikenakan melebihi RM687.9 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital. Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang www.mycc.gov.my.